

# Asas Persaraan Kepada Penjawat Awam dan Bakal Pesara



# Apa itu Persaraan?



## Apa itu Persaraan?

**Persaraan** merupakan status seseorang pekerja yang telah berhenti dari kerjanya (kini dipanggil **pesara**). Ia biasanya berlaku disebabkan mencapai had **umur**. Ada juga persaraan yang disebabkan faktor lain seperti keadaan fizikal ataupun dengan pilihan sendiri.



Apa itu Persaraan?

## PILIHAN SISTEM PENGURUSAN PERSARAAN



SKIM  
CARUMAN  
KWSP



SKIM  
PENCEN  
SEKTOR  
AWAM

Penjawat awam yang telah diberikan **pengesahan jawatan** serta menempuhi 3 tahun tempoh percubaan semenjak dilantik secara **tetap** akan diberi opsyen sama ada memilih **skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** atau **skim pencen sektor awam**

## Skim Caruman KWSP



Jika anda memilih skim KWSP, maka **caruman pekerja (anggota) akan dipotong daripada gaji setiap bulan di samping caruman oleh majikan (Kerajaan)** sehingga mencapai umur opsyen persaraan wajib yang telah dipilih.



## Skim Pencen Sektor Awam



Bagi yang menolak Skim KWSP, anda secara automatik memilih skim pencen sektor awam dan akan menerima **Pemberian Taraf Berpencen (PTB)** oleh:


- **Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)** bagi pegawai awam Persekutuan dan pentadbiran Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri
- **Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)** bagi Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)



**CARTA TEMPOH PERKHIDMATAN, PERSARAAN DAN KEMATIAN DALAM PERSARAAN ANGGOTA SEKTOR AWAM  
DALAM KONTEKS SKIM FAEDAH PERSARAAN DAN TERBITAN AKTA 227, 238 DAN 239**

**FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN**

A. Ganjaran (sekaligus)	:	7.5% x t.p. (bulan) x RM gaji pokok terakhir
B. Pencen (bulanan) seumur hidup	:	1/600 x t.p. (bulan) x RM gaji pokok terakhir [pencen maksimum 3/5 gaji akhir]
C. GCR (sekaligus)	:	1/30 x hari cuti rehat terkumpul (maksimum 150 hari) x RM emolumen [gaji pokok terakhir + imbuhan tetap]
D. Kemudahan rawatan dan perubatan percuma seumur hidup untuk pesara & suami/isteri (anak-anak bawah 18 tahun)		



KWSP: a. diambil balik oleh Kerajaan (kalau terambil oleh anggota, - dipotong jumlahnya dari ganjaran anggota) ketika bersara/meninggal dunia dalam perkhidmatan.

Bagi anggota yang memilih skim pencen: b. boleh dikeluarkan oleh anggota, mengikut peruntukan undang-undang KWSP.

**NOTA :**

- "GCR" - Wang Tunai Sebagai Gantikan Cuti Rehat.
- "t.p" - Tempoh perkhidmatan (bulan) yang dimasukkan bagi penghitungan faedah persaraan.
- "BBKT" - Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan.
- "KWAP" - Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- "KWSP" - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

B hingga G adalah penjelasan bagi yang memilih skim Pencen sahaja. Anggota yang memilih skim KWSP akan tertakluk kepada caruman KWSP sepanjang tempoh perkhidmatan dan diberi jumlah caruman dan faedah baginya mengikut undang-undang KWSP sebagai faedah persaraan. Sekiranya anggota meninggal dunia dalam perkhidmatan (di dalam rajah di atas), faedah-faedah persaraan diganti dengan faedah-faedah terbitan.

## Jenis-jenis Persaraan

### PERSARAAN PAKSA

1. Persaraan Kerana Mencapai Umur 55/56/58/60
2. Persaraan Atas Sebab Kesihatan
3. Persaraan Atas Sebab Penghapusan Jawatan
4. Persaraan Atas Sebab Penyusunan Semula Organisasi
5. Persaraan Atas Sebab Pekerjaan Anggota Telah Ditamatkan Demi Kepentingan Awam
6. Persaraan Kerana Memperoleh Kewarganegaraan Asing Atau Dilucutkan Kewarganegaraan Malaysia
7. Persaraan Atas Sebab Memberi Maklumat Palsu Bagi Maksud Pelantikan Anggota Ke Dalam Perkhidmatan Kerajaan

### PERSARAAN DENGAN KEHENDAK KERAJAAN

1. Persaraan Atas Kepentingan Negara
2. Persaraan Demi Kepentingan Perkhidmatan Awam Atau Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun Atau Pihak Berkuasa Tempatan

### PERSARAAN PILIHAN

1. Persaraan Pilihan Sendiri

### PERSARAAN SETELAH DILANTIK UNTUK BERKHIDMAT DALAM PERTUBUHAN

1. Persaraan Disebabkan Penswastaan



# PERSARAAN PAKSA



## Persaraan Kerana Mencapai Umur 55/56/58/60

Pada hari seseorang anggota mencapai umur 55/56/58/60 tahun mengikut opsiyen umur bersara yang dipilih.

**Seksyen 10(1) Akta 227/Akta 239**

Jika ada kes Mahkamah atau tindakan tatatertib yang masih belum selesai ketika mencapai opsiyen umur 55/56/58/60 tahun:

- i. yang mungkin berkeputusan pegawai itu disabitkan; atau
- ii. dibuang kerja; (perkhidmatan pegawai itu dianggap sebagai dilanjutkan atas cuti tanpa gaji)

Jika Pihak Mahkamah atau Lembaga Tatatertib berkeputusan pegawai itu tidak disabitkan atau dibuang kerja, maka ia hendaklah bersara pada umur 55/56/58/60 tahun dan dibayar faedah persaraan dengan menolak tempoh cuti tanpa gaji itu.



## Persaraan Atas Sebab Kesihatan

Anggota yang kesihatannya tidak memuaskan boleh dibersarakan atas sebab kesihatan. Keadaan di mana pegawai itu boleh dibersarakan adalah seperti Perintah Am Bab F (1974).

**Seksyen 10(5)(a) Akta 227/Akta 239**

Layak bagi pegawai yang telah disahkan dalam jawatan

Keputusan persaraan atas sebab kesihatan adalah bergantung kepada syor Lembaga Perubatan

Keadaan yang boleh dihadapi ke Lembaga Perubatan [PA Bab F-19 (1974)] & PP Bil. 10/1995:

- a) Semua cuti sakit tahunan telah habis dan masih tidak sihat.
- b) Pegawai perubatan berpendapat tidak ada harapan sembuh.
- c) Mengambil cuti 45 hari setahun, 3 tahun berturut-turut.
- d) Kesiuman otak dan kesihatan tubuh badan diragui.
- e) Pegawai perubatan mengesahkan sakit tibi, kusta atau barah.
- f) Tercedera semasa bertugas dan bukan dengan kecuaiannya.

## PERSARAAN PAKSA



### Persaraan Atas Sebab Penghapusan Jawatan

Anggota di mana jawatan yang disandangnya dihapuskan boleh dibersarakan dari perkhidmatan dan terus dibayar faedah persaraan.

Seksyen 10(5)(b) Akta 227/Akta 239

## PERSARAAN PAKSA



### Persaraan Atas Sebab Penyusunan Semula Organisasi

Anggota di mana terdapat penyusunan semula organisasi bagi maksud menghasilkan lebih kecekapan dan terus dibayar faedah persaraan.

Seksyen 10(5)(c) Akta 227/Akta 239

## PERSARAAN PAKSA



### Persaraan Atas Sebab Pekerjaan Anggota Telah Ditamatkan Demi Kepentingan Awam

Persaraan ini adalah bagi kes-kes di mana seseorang anggota telah ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam.

Seksyen 10(5)(d) Akta 227/Akta 239

## PERSARAAN PAKSA



### Persaraan Kerana Memperoleh Kewarganegaraan Asing atau Dilucutkan Kewarganegaraan Malaysia

Anggota yang dibersarakan atas sebab ini tidak akan dibayar faedah persaraan mengikut Seksyen 21A Akta 227 dan Seksyen 23A Akta 239.

Seksyen 10(5)(e) Akta 227/Akta 239

## PERSARAAN PAKSA



### Persaraan Atas Sebab Memberi Maklumat Palsu Bagi Maksud Pelantikan Anggota ke Dalam Perkhidmatan Kerajaan

Anggota boleh dibersarakan jika terbukti mereka memberi maklumat lisan/bertulis/bersumpah/dokumen secara palsu, silap, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan bagi maksud pelantikan ke dalam perkhidmatan awam.

Seksyen 10(5)(f) Akta 227/Akta 239

## PERSARAAN SETELAH DILANTIK UNTUK BERKHIDMAT DALAM PERTUBUHAN



### Persaraan Disebabkan Penswastaan

Apabila sesebuah agensi Kerajaan atau perkhidmatan tertentu diswastakan, anggota agensi berkenaan yang layak akan ditawarkan 2 opsyen iaitu:

- i. menolak tawaran untuk berkhidmat dengan syarikat; atau
- ii. menerima tawaran untuk berkhidmat dengan syarikat.

Seksyen 12A Akta 227 atau Seksyen 13 Akta 239

## PERSARAAN DENGAN KEHENDAK KERAJAAN



### Persaraan Atas Kepentingan Negara

Yang di-Pertuan Agong boleh mengkehendaki seseorang anggota supaya bersara atas kepentingan Negara pada mana-mana peringkat umur.

Seksyen 11(a)(i) dan (b)(i) Akta 227 & Seksyen 11(a) Akta 239

## PERSARAAN DENGAN KEHENDAK KERAJAAN



### Persaraan Demi Kepentingan Perkhidmatan Awam Atau Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun Atau Pihak Berkuasa Tempatan

Yang di-Pertuan Agong boleh mengkehendaki seseorang anggota supaya bersara atas kepentingan Perkhidmatan Awam atau Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan pada mana-mana peringkat umur.

Seksyen 11(a)(ii) dan 11(b)(ii) Akta 227 & Seksyen 11(b) Akta 239

# PERSARAAN PILIHAN



## Persaraan Pilihan Sendiri

Seseorang anggota berpencen boleh mengemukakan permohonan persaraan pilihan apabila atau selepas mencapai umur 40 tahun dan berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira bagi maksud pemberian faedah persaraan.

**Seksyen 12(1) Akta 227/Akta 239**

### Syarat Untuk Bersara

- Umur hendaklah mencapai 40 tahun; dan
- mempunyai tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada 10 tahun yang boleh dimasukkan kira - Seksyen 9 Akta 227/239 untuk melayakkan pemberian faedah persaraan.

### Pencen bulanan akan dibayar apabila:-

- Jika seorang pegawai dilantik **sebelum 12.4.1991**, bila mencapai umur 45 tahun bagi:
  - pegawai perempuan, pegawai perkhidmatan bomba berpangkat rendah, pegawai polis berpangkat rendah, pegawai penjara berpangkat rendah dan jururawat lelaki di hospital mental.
- Pada umur 50 tahun bagi pegawai lelaki selain di atas yang dilantik **sebelum 12.4.1991**
- Bagi pegawai lelaki/perempuan dilantik **mulai/selepas 12.4.1991**, pencen bulanan akan dibayar apabila mencapai umur 55 tahun. (Akta 227/Akta 239 Pindaan 2011)



NEGARAKU



# Faedah-faedah Persaraan

Ganjaran Perkhidmatan

Pencen Perkhidmatan

Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat

## Ganjaran Perkhidmatan



Pemberian ganjaran secara sekaligus.

### FORMULA PENGIRAAN

7.5% X jumlah genap bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira X gaji pokok terakhir

#### CONTOH :

Tempoh Perkhidmatan = 362 bulan

Gaji Pokok Terakhir = RM3,396.14 sebulan

**Ganjaran** = 7.5% x 362 x RM3,396.14  
= **RM92,205.20**

## Pencen Perkhidmatan



Dibayar secara bulanan sepanjang hayat.

### FORMULA PENGIRAAN

$1/600 \times$  jumlah genap bulan perkhidmatan yang dimasukkan kira  $\times$  gaji pokok terakhir diterima

- Terhadap kepada maksimum 360 bulan perkhidmatan
- Tertakluk kepada pencen maksimum 3/5 daripada gaji pokok terakhir (60%)

#### Contoh 1 :

Ali, seorang pegawai Gred N27 yang telah berkhidmat selama 340 bulan dan gaji pokok terakhirnya, RM5,092.00.

Tempoh Perkhidmatan	= 340 bulan
Gaji Pokok Terakhir	= RM5,092.00
<b>Pencen</b>	= $1/600 \times 340 \times$ RM5,092.00
	= <b>RM2,885.47 sebulan</b>



## Pencen Perkhidmatan

Dibayar secara bulanan sepanjang hayat.

### FORMULA PENGIRAAN

$1/600 \times$  jumlah genap bulan perkhidmatan yang dimasuk kira  $\times$  gaji pokok terakhir diterima

- Terhadap kepada maksimum 360 bulan perkhidmatan
- Tertakluk kepada pencen maksimum  $3/5$  daripada gaji pokok terakhir (60%)

#### Contoh 2 :

Sarah, seorang pegawai Gred C54 yang telah berkhidmat selama 370 bulan dan gaji pokok terakhirnya, RM11,969.00

Tempoh Perkhidmatan = 370 bulan  
Gaji Pokok Terakhir = RM11,969.00  
**Pencen** =  $1/600 \times 370 \times$  RM11,969.00  
= RM7,380.88 sebulan

**Tetapi terhadap kepada  $3/5 \times$  gaji pokok akhir**  
=  $3/5 \times$  RM11,969.00  
= RM 7,181.40 sebulan

Contoh 1

Contoh 2

## Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat



Faedah yang dibayar berasaskan cuti rehat yang tidak digunakan dan dikumpulkan sepanjang perkhidmatan terhad kepada maksimum 150 hari.

### FORMULA PENGIRAAN

$1/30 \times$  jumlah cuti rehat terkumpul  $\times$  gaji pokok terakhir  
diterima + Imbuhan Tetap

- Imbuhan Tetap Khidmat Awam
  - Imbuhan Tetap Keraian
  - Imbuhan Tetap Perumahan
  - Imbuhan Tetap Jawatan Utama/Khas
- } Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4/2002

### CONTOH:

Cuti rehat yang dikumpul = 120 hari  
Gaji pokok terakhir + Imbuhan Tetap = RM3,814.14  
**Award Wang Tunai** =  $1/30 \times 120 \times \text{RM}3,814.14$   
= **RM15,256.56**

(Kaedah Pengumpulan GCR ialah berdasarkan PP Bil. 18/2008)

## Apa itu Faedah Terbitan?



Faedah yang **dibayar kepada tanggungan** atau **wakil yang sah di sisi undang-undang** bagi **anggota yang meninggal dunia** di **dalam perkhidmatan** atau anggota yang meninggal dunia **dalam persaraan**.



## Jenis-jenis Faedah Terbitan

**Bantuan Mengurus Jenazah (Sekaligus)**

PP 2/1993, PP14/1993, PP 3/2010 & WP 6.4

**Ganjaran Terbitan (Sekaligus)**

Seksyen 4(1) Akta 227 Atau Akta 239

**Pencen Terbitan (Bulanan)**

Seksyen 4(1) Akta 227 Atau Akta 239

**Gantian Cuti Rehat (Sekaligus)**

Seksyen 4(2) Akta 227 Atau Akta 239

**Pencen Tanggungan (Bulanan)**

Seksyen 18, Akta 227/Seksyen 20, Akta 239

**Ex-Gratia Terbitan (Sekaligus)**

PP 17/2008



## Bantuan Mengurus Jenazah (BMJ)

1 Pekeliling Perbendaharaan WP 6.4 Bayaran Mengurus Jenazah Anggota Perkhidmatan Awam

**Bayaran bantuan mengurus jenazah:  
RM3,000.00**

Kematian dalam perkhidmatan:  
**Diuruskan & dibayar oleh Jabatan**

Kematian dalam persaraan:  
**Diuruskan & dibayar oleh JPA/KWAP**

(Pembayaran ini tidak dipanjangkan kepada penerima pencen terbitan yang meninggal dunia)

**KWAP** - Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)



## Ganjaran Terbitan

Pemberian faedah yang dibayar sekaligus kepada tanggungan anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan atau wakil yang sah di sisi undang-undang

7.5%



Jumlah Genap Bulan Perkhidmatan Yang Boleh Dimasuk kira



Gaji pokok terakhir



## Ganjaran Terbitan

Balu/Duda/Anak

9/10

(kadar penuh jika ibu dan bapa gemulah meninggal)

Ibu/Bapa Gemulah

1/10



\*\*Jika ketiadaan penerima-penerima di atas, Ganjaran Terbitan boleh diberi kepada wakil yang sah di sisi undang-undang.

Klik pada **Balu/Duda/Anak** untuk penerangan lanjut





## Tafsiran Balu/Duda

Balu atau duda yang masih hidup kepada seseorang pegawai yang meninggal dunia yang mana perkahwinannya diiktiraf di Malaysia sebagai suatu perkahwinan yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, agama, adat atau kelaziman.

## Tafsiran Anak

- ✓ Anak seorang pegawai yang meninggal
- ✓ Berumur di bawah 21 tahun
- ✓ Belum berkahwin

### **Seperti berikut:**

- anak kandung
- anak yang lahir selepas kematian pegawai
- anak tiri tanggungan
- anak tak sah taraf
- anak angkat yang didaftarkan secara rasmi sebelum bersara
- anak cacat







Tidak berupaya  
untuk menanggung  
diri sendiri

Tidak kira apa jua  
umurnya

# Anak cacat

Cacat otak atau hilang  
upaya dari segi jasmani  
dan secara kekal

Kecacatan tersebut  
dialami sebelum anak itu  
mencapai umur 21 tahun

-  Pecen dibayar seumur hidup
-  Pegawai yang dilantik sebelum 16.5.1986, syarat anak mendapat kecacatan sebelum umur 21 tahun tidak terpakai

## Pencen Terbitan



**Apa itu Pencen Terbitan?**



## Pencen Terbitan

Pencen **BULANAN** yang terbit disebabkan oleh kematian anggota/pesara sektor awam, dibayar kepada orang-orang tanggungan anggota/pesara seperti mana yang diperuntukkan oleh undang-undang pencen berkenaan.



## Pencen Terbitan

**Bagaimana pembahagian pencen terbitan bagi kes perkahwinan dalam perkhidmatan dan perkahwinan dalam persaraan?**



## Pencen Terbitan

# Bagaimana pembahagian pencen terbitan bagi kes perkahwinan dalam perkhidmatan dan perkahwinan dalam persaraan?

Perkahwinan dalam perkhidmatan  
**Kekal 100% sepanjang hayat**

Perkahwinan dalam persaraan  
**Hanya untuk baki tempoh 20 tahun dari tarikh persaraan**



Klik pada setiap **kes** untuk penerangan lanjut






## Perkahwinan dalam perkhidmatan

- Berkahwin semasa dalam perkhidmatan
- Pencen terbitan kekal 100% (tiada susutan)
- Pencen terbitan adalah sepanjang hayat tanggungan gemulah (si mati)

### CONTOH :





## Perkahwinan dalam persaraan

- Berkahwin semasa dalam persaraan
- Pencen terbitan kekal 100% (tiada susutan)
- Pencen terbitan dibayar kepada tanggungan gemulah (si mati) bagi baki tempoh 20 tahun daripada tarikh persaraan

### CONTOH 1 :



Contoh 1


Contoh 2



## Perkahwinan dalam persaraan

- Berkahwin semasa dalam persaraan
- Pencen terbitan kekal 100% (tiada susutan)
- Pencen terbitan dibayar kepada tanggungan gemulah (si mati) bagi baki tempoh 20 tahun daripada tarikh persaraan

### CONTOH 2 :



Contoh 1

Contoh 2



## Pencen Terbitan

Balu/Duda

2 syer



Anak

1 syer



Bagaimana pengiraan pencen terbitan sekiranya gemulah (si mati) meninggalkan 2 orang balu dan 5 orang anak dengan amaun pencen RM1000.00



Klik pada **ikon** untuk melihat contoh pengiraan dan pembahagian syer

1

2

Bagaimana pengiraan pencen terbitan sekiranya gemulah (si mati) meninggalkan 2 orang balu dan 5 orang anak dengan amaun pencen RM1000.00



Pengiraan jumlah keseluruhan syer bagi 2 orang balu

**Balu 1**



$$2 \text{ syer} + 1 \text{ syer} + 1 \text{ syer} = 4 \text{ syer}$$

**Balu 2**



$$2 \text{ syer} + 1 \text{ syer} + 1 \text{ syer} + 1 \text{ syer} = 5 \text{ syer}$$

Jumlah keseluruhan syer = **9 syer**

1

2

3

Bagaimana pengiraan pencen terbitan sekiranya gemulah (si mati) meninggalkan 2 orang balu dan 5 orang anak dengan amaun pencen RM1000.00



### Pengiraan jumlah pencen bagi setiap balu dan anak

Amaun pencen = RM1000

Jumlah keseluruhan syer = 9 syer

#### Balu 1



4 /9 syer

$$4/9 \times \text{RM}1000.00 = \text{RM}444.44$$

#### Balu 2



5/9 syer

$$5/9 \times \text{RM}1000.00 = \text{RM}555.55$$



Bagaimana pengiraan pencen terbitan sekiranya gemulah (si mati) meninggalkan 2 orang balu dan 5 orang anak dengan amaun pencen RM1000.00



### Pengiraan jumlah pencen bagi setiap balu dan anak

$$4/9 \times \text{RM}1000.00 = \text{RM}444.44$$

$$5/9 \times \text{RM}1000.00 = \text{RM}555.55$$

**Balu 1**   $2/9 \times \text{RM}1000 = \text{RM}222.22$

  $1/9 \times \text{RM}1000 = \text{RM}111.11$

  $1/9 \times \text{RM}1000 = \text{RM}111.11$

**Balu 2**   $2/9 \times \text{RM}1000 = \text{RM}222.22$

  $1/9 \times \text{RM}1000 = \text{RM}111.11$

  $1/9 \times \text{RM}1000 = \text{RM}111.11$

  $1/9 \times \text{RM}1000 = \text{RM}111.11$

1

2

3

## Gantian Cuti Rehat (GCR)

Faedah yang dibayar kepada tanggungan anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan berasaskan cuti rehat yang tidak digunakan dan dikumpulkan sepanjang perkhidmatan terhadap kepada maksimum 150 hari

$1/30 \times \text{jumlah cuti rehat terkumpul} \times \text{gaji pokok terakhir diterima} + \text{Imbuan Tetap}^*$

- Imbuan Tetap Khidmat Awam
- Imbuan Tetap Keraian
- Imbuan Tetap Perumahan
- Imbuan Tetap Jawatan Utama/Khas

**Pekeliling  
Perkhidmatan  
Bilangan  
4/2002**



Klik pada **ikon** untuk melihat contoh pengiraan GCR



## Ganlian Culi Rehat (GCR)

Faedah yang dibayar kepada tanggungan anggota yang meninggal dunia dalam perkhidmatan.

### CONTOH PENGIRAAN



Cuti rehat yang dikumpul	= 120 hari
Gaji pokok terakhir + Imbuhan Tetap	= RM3,814.14
<b>Award Wang Tunai</b>	= $1/30 \times 120 \times \text{RM3,814.14}$
	= <b><u>RM15,256.56</u></b>

(Kaedah Pengumpulan GCR ialah berdasarkan PP 18/2008)

• Imbuhan Tetap Jawatan Utama/Khas

Klik pada ikon untuk melihat contoh pengiraan GCR



## Pencen Tanggungan

Pemberian tambahan kepada pembayaran pencen terbitan (bulanan) yang dibayar kepada orang tanggungan bagi kes anggota yang mati dalam perkhidmatan



## Pencen Tanggungan

### Syarat-syarat Pencen Tanggungan

- Kemalangan dalam perjalanan (jika bukan disebabkan kecuaiian gemulah (si mati)); atau
- Ditimpa bencana atau menanggung penyakit yang berpunca dari melaksanakan tugas rasminya; atau
- Mati dalam tempoh tujuh (7) tahun dari tarikh ia menanggung bencana atau penyakit yang berpunca dari melaksanakan tugas rasminya.





## FAKTOR PECAHAN BAYARAN (PERATURAN 19(2), PERATURAN-PERATURAN PENCEN 1980)



	Tanggung		
	BALU	ANAK	IBU BAPA
Kategori 1	1/6	1/48	1/12
Kategori 2	Tiada	1/24	1/6
Kategori 3	1/6	Tiada	1/12
Kategori 4	Tiada	Tiada	1/6
Kategori 5	Tiada	1/24	Tiada

(Daripada Gaji Pokok Terakhir)

### CONTOH PENGIRAAN

Ahmad seorang anggota polis berpangkat Lans Koperal Gred YA2 yang meninggal dunia semasa masih dalam perkhidmatan kerana terlibat dengan kemalangan yang bukan disebabkan kecuaiannya. Beliau masih bujang dan mempunyai seorang ibu yang masih hidup. Gaji pokok terakhir beliau adalah RM1,567.00

#### **Pengiraan pencen tanggungan:**

$1/6 \times \text{RM } 1,567.00 = \text{RM}261.17$  (dibayar kepada ibu setiap bulan)

## Ex-Gratia Terbitan

**Bayaran sekaligus** kepada **ibu**, atau sekiranya ibu telah meninggal dunia, **bapa** kepada anggota berpencen yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan **tanpa meninggalkan balu/duda atau anak.**

Pemberian ini adalah sebagai **tambahan** kepada ganjaran terbitan atau caruman syer Kerajaan/majikan KWSP atau mana-mana kumpulan wang simpanan berserta faedah yang terakru.



## Ex-Gratia Terbitan

### Pengiraan Ex-Gratia Terbitan - Secara Sekaligus

- i. **Tempoh Perkhidmatan Sebenar (TPS)**  
= Dari tarikh lantikan hingga tarikh kematian  
 **$(7.5\% \times \text{TPS} \times \text{Gaji Pokok Terakhir})$**
- ii. **Tempoh Perkhidmatan Isyarat (TPI)**  
= Dari tarikh lantikan hingga tarikh pilihan opsiyen umur persaraan  
 **$(7.5\% \times \text{TPI} \times \text{Gaji Pokok Terakhir})$**



## CONTOH PENGIRAAN



### Contoh

#### Lans Koperal Gred YA2

Gaji pokok terakhir = RM1,567.00

#### Tempoh Perkhidmatan Sebenar

Dari 1.7.2012 hingga 5.5.2016 = 46 bulan

#### Tempoh Perkhidmatan Isyarat (opsyen umur 60)

Dari 1.7.2012 hingga 30.6.2050 = 456 bulan

### PENGIRAAN

#### Jumlah GT Semasa (TPS)

= 7.5% x 46 bulan x RM1,567.00 = RM5,406.15

#### Jumlah GT Isyarat (TPI)

= 7.5% x 456 bulan x RM1,567.00 = RM53,591.40

#### Jumlah Ex-Gratia Terbitan (GT Isyarat - GT Semasa)

= RM53,591.40 - RM5,406.15 = RM48,185.25 (dibayar sekaligus)

GT : Ganjaran Terbitan, TPS : Tempoh Perkhidmatan Sebenar, TPI : Tempoh Perkhidmatan Isyarat

## Pencen Bukan Hak Mutlak

### HAK PENCEN

Faedah persaraan **bukan** merupakan hak **mutlak** seseorang anggota.

Tiada anggota pun yang boleh mempunyai hak mutlak untuk mendapat pampasan bagi perkhidmatan yang lepas atau untuk mendapat apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah di bawah Akta Pencen.

Seksyen 3(1), Akta 227 atau Akta 239



## Pemberhentian Bayaran Pencen

**SEKSYEN 21(1), (2) DAN  
(3) AKTA PENCEN 1980  
(AKTA 227)**

**SEKSYEN 23(1), (2) DAN  
(3) AKTA PENCEN 1980  
(AKTA 239)**



## Pemberhentian Bayaran Pencen

Pencen diberhentikan dengan serta merta jika pesara/penerima pencen:

**Dihukum penjara/dihukum mati**  
(Elaun Tanggungan boleh dipertimbangkan)

**Memperolehi kewarganegaraan lain**  
(berkuat kuasa ke atas anggota yang dilantik pada/selepas 16.5.1986)

Seksyen 21(1), (2) dan (3) Akta Pencen 1980 (Akta 227)  
Seksyen 23(1), (2) dan (3) Akta Pencen 1980 (Akta 239)



## Pencen Terendah

Dengan syarat tempoh perkhidmatan yang **tidak kurang dari 25 tahun (300 bulan)**

- **RM820.00** sebulan (2012)
  - **RM950.00** sebulan (mulai Julai 2016)
  - **RM1,000.00** sebulan (mulai Januari 2018)
- Seksyen 22A Akta Pencen 1980 (Akta 227)






**1/5 DARI  
GAJI POKOK  
TERAKHIR**

Diberikan kepada pegawai berpencen yang:

- Bersara **Atas Sebab Kesihatan (ASK)**
- Bersara **Atas Sebab Penswastaaan Agensi Kerajaan**
- Meninggal dunia dalam perkhidmatan dengan tempoh perkhidmatan **kurang dari 120 bulan atau 10 tahun**





**SEKSYEN 3(1) AKTA 238  
DAN  
AKTA PENYELARASAN  
PENCEN 1980**



## Penyelarasan Pencen

Pesara atau penerima pencen layak menerima kenaikan kadar pencen sebanyak **2% setiap tahun** mulai 2013

Seksyen 3(1) Akta 238  
Akta Penyelarasan Pencen 1980



# Pemotongan Bayaran Pencen



Menjelaskan hutang Kerajaan



Tuntutan nafkah atas perintah mahkamah

## Pemotongan Bayaran Pencen

**Bayaran Ganjaran, Pencen** dan **Gantian Cuti Rehat (GCR)** adalah tertakluk kepada potongan-potongan berikut:

- **Caruman KWSP Syer Kerajaan**
- **Cukai Pendapatan**
- **Pinjaman Perumahan Kerajaan** (tertakluk kepada perjanjian peminjam dengan LPPSA)
- **Hutang Kerajaan Lain** yang disenaraikan dalam Sijil Akaun Berhutang/Tidak Berhutang (JPA.BP.UMUM.B01)



Pilih jawapan yang tepat bagi lima (5) soalan berikut dan klik butang SEMAK.

# SOALAN 1

Antara faedah tambahan dalam persaraan adalah pencen tanggungan.

BETUL

SALAH

Pilih jawapan yang tepat bagi lima (5) soalan berikut dan klik butang SEMAK.

## SOALAN 2

Pesara atau penerima pencen layak menerima kenaikan pencen sebanyak 2% setiap tahun mulai 2013.

BETUL

SALAH

Pilih jawapan yang tepat bagi lima (5) soalan berikut dan klik butang SEMAK.

## SOALAN 3

Seseorang anggota berpencen boleh mengemukakan permohonan persaraan pilihan apabila atau selepas mencapai umur 35 tahun.

BETUL

SALAH



Pilih jawapan yang tepat bagi lima (5) soalan berikut dan klik butang SEMAK.

## SOALAN 4

Bayaran bantuan mengurus jenazah ialah RM2,000.00.

BETUL

SALAH

Pilih jawapan yang tepat bagi lima (5) soalan berikut dan klik butang SEMAK.

## SOALAN 5

Pencen terbitan layak diterima oleh balu atau duda dan juga anak yang layak sahaja.

BETUL

SALAH

# UJI KEFAHAMAN

1. Apakah maksud GCR?

- a) Gantian Cuti Rekod
- b) Ganjaran Cuti Rekod
- c) Gantian Cuti Tanpa Usik
- d) **Gantian Cuti Rehat**

# UJI KEFAHAMAN

2. Siapa yang TIDAK layak menerima faedah persaraan?

- a) Pegawai yang meletakkan jawatan
- b) Pegawai yang dibuang kerja
- c) Pegawai kontrak, sangkut dan sambilan
- d) **Semua di atas**

## UJI KEFAHAMAN

3. Berapakah nilai pencen terendah dan bilakah ianya berkuat kuasa?

- a) RM850, mulai 1 Julai 2016
- b) RM850, mulai 1 Januari 2016
- c) **RM1,000, mulai 1 Januari 2018**
- d) RM950, mulai 1 Julai 2016

## UJI KEFAHAMAN

4. Berapa lamakah tempoh anak cacat tanggungan pesara (hasil perkahwinan semasa masih sedang berkhidmat) layak menerima pencen terbitan setelah kematian pesara?

- a) tidak lebih 20 tahun dari tahun pegawai bersara
- b) tidak lebih 20 tahun dari tarikh perkahwinan
- c) sepanjang hayat anak cacat tersebut**
- d) tidak lebih 12 tahun setengah dari tarikh pegawai bersara

## UJI KEFAHAMAN

5. Berapakah kadar kenaikan pencen tahunan dan bilakah ianya mula berkuat kuasa?

- a) 2%, 1 Januari 2012
- b) 2%, 1 Januari 2013**
- c) 3%, 1 Januari 2013
- d) 3%, 1 Julai 2016

## UJI KEFAHAMAN

**6. Apakah syarat-syarat utama untuk bersara pilihan (awal)?**

- a) Umur tidak kurang 40 tahun, berkhidmat tidak kurang 10 tahun secara tetap dalam tempoh yang boleh dimasukkan kira**
- b) Umur tidak kurang 45 tahun, berkhidmat tidak kurang 10 tahun secara tetap dalam tempoh yang boleh dimasukkan kira**
- c) Umur tidak kurang 40 tahun, berkhidmat tidak kurang 15 tahun secara tetap dalam tempoh yang boleh dimasukkan kira**
- d) Umur tidak kurang 50 tahun, berkhidmat tidak kurang 10 tahun secara tetap dalam tempoh yang boleh dimasukkan kira**



## UJI KEFAHAMAN

**7. Penjawat awam layak untuk memilih 1 sahaja opsiyen persaraan samada:**

**a) Skim Pencen Awam atau Skim Pencen Swasta**

**b) Skim KWSP atau Skim Pencen**

**c) Skim Pencen Pekerja Swasta atau Skim Pencen Pegawai Kerajaan**

**d) Skim Persaraan Persekutuan atau Skim Persaraan Pekerjaan**

## UJI KEFAHAMAN

8. Berapakah nilai bantuan mengurus jenazah yang diberikan kepada tanggungan/waris pegawai/pesara yang meninggal?

a) RM3,500

**b) RM3,000**

c) RM2,500

d) RM2,000